

PRAKTIKAL BERGAYA

IMPIANA

WARNA 03/04
AU NATURAL, MOCHA & COKLAT

Mari Tango...

Lantai Penentu Gerak Tari

JUN 2003 | EDISI 46

ISSN 1675-0403



9 771675 040004

www.karangkraf.com/impiana

MAJALAH RASMI DEX 2003 & HOMEDEC 2003

PROMOSI | MAKAN-MAKAN DI CYBERVIEW LODGE RESORT & SPA



ALMAZ • ARCHITECT

33-1 Plaza Crystalville 1
Jalan 22A/70A
Desa Sri Hartamas
50480 Kuala Lumpur
Tel: 603 6201 1158
Fax: 603 6204 2328 (Project)
603 6204 2328 (Administration)
E-mail: almaz@pc.jaring.my




PENYELARAS & PENULIS: SAM ANUAR ZAINAL ABIDIN FOTOGRAFI: MAZLAN MOHAMED

BANGLO VERNAKULAR di paya jaras

Janda Baik begitu dikenali sebagai lokasi rumah percutian milik persendirian, terutama kepada golongan elit dan usahawan Bumiputera. Memang sukar untuk mencari penggantinya. Kini Paya Jaras di daerah Sungai Buloh pula menjadi tumpuan. Walaupun keadaan persekitarannya tidak sedingin Janda Baik, namun kedudukannya yang sedikit tersorok dilihat sesuai sebagai lokasi mendirikan rumah percutian hujung minggu. Lokasi pinggir kota ini tidak langsung membuatkan pemiliknya, terutama di kalangan warga Kuala Lumpur mahu pun Selangor, berasa terlalu terpinggir.





JANDA BAIK begitu dikenali sebagai lokasi rumah percutian milik persendirian, terutama kepada golongan elit dan usahawan Bumiputera. Memang sukar untuk mencari penggantinya. Kini Paya Jaras di daerah Sungai Buloh pula menjadi tumpuan. Walaupun keadaan persekitarannya tidak sedingin Janda Baik, namun kedudukannya yang sedikit tersorok dilihat sesuai sebagai lokasi mendirikan rumah percutian hujung minggu. Lokasi pinggir kota ini tidak langsung membuatkan pemiliknya, terutama di kalangan warga Kuala Lumpur mahu pun Selangor, berasa terlalu terpinggir.

Konsep kediaman hujung minggu di persekitaran dusun begini telah lama menjadi impian, Ahmad Tarmizi sekeluarga. Di sinilah Tarmizi sekeluarga menghabiskan waktu-waktu santai di hujung minggu bersama sanak saudara terdekat dan teman-teman rapat. Kawasan seluas lima ekar ini bukan sahaja menyediakan tempat bermalam, malah membolehkan mereka melakukan pelbagai aktiviti riadah seperti memancing.

"Tanah ini dibeli pada tahun 1976. Ketika itu persekitaran kawasan ini masih lagi dipenuhi hutan tebal. Manakala tanah ini pula pernah menjadi dusun buah-buahan. Sehingga ke hari ini pun, masih lagi terdapat beberapa



KEHADIRAN KAWASAN DUSUN YANG BERUBAH MENJADI SEBUAH LAMAN MELAYUINI CUKUP MENGASYIKKAN. LENGPAP DENGAN DUA
BUAH KOLAM BERISI RIBUAN IKAN SUNGAI, SESUAI UNTUK AKTIVITI MEMANCING MEREKA DAN BAGI MENGHILANGKAN KEBOSANAN.




batang pokok durian terutamanya di sekeliling kawasan ini. Walaupun telah berubah wajah, namun saya masih lagi berhasrat untuk menghijaukannya semula dengan beberapa jenis pokok berbuah seperti cempedak, petai, pulasan, durian dan jering," terang Tarmuzi sambil menemani penulis melihat-lihat kawasan persekitaran kediaman. Dari jauh, kelihatan betapa indahnya kediaman milik usahawan ini. Tidak ubah seperti sebuah pusat peranginan tropika ternama.


BINAAN DARIPADA BAHAN TERPAKAI

Iham membina kediaman ini tercetus di saat usahawan automobil ini membina kolam ikannya. Dia begitu menginginkan sebuah kediaman ala kampung. Anak kelahiran Kampung Chenoh, Temerloh, Pahang ini sendiri tidak dapat menjelaskan kenapa konsep ini yang menjadi pilihan hatinya. Apa pun, konsep pilihannya ini begitu menyerlah di persekitaran sebegini. Namun, dia tidak pula pernah menetapkan bahawa reka bentuk kediamannya ini kelak menyamai reka bentuk sebuah rumah tradisional.

"Segalanya saya serahkan pada kepakaran Almaz Architect untuk reka bentuk dan seni bina kediaman ini. Walaupun saya tidak pernah diperkenalkan kepada sebarang kerja-kerja beliau, namun rekaan kediaman ini begitu menepati cita rasa saya," ujarnya tatkala kami melangkah masuk. Kediaman berkeluasan tiga ekar ini jelas melihat identiti Almaz Architect melalui reka bentuk dan ilham seni bina tropika kontemporari dan vernakular.



DI BALKONI INI, PENGHUNI DAPAT MEMERHATIKAN PANORAMA
INDAH YANG MENGHIJAU KAWASAN PERSEKITARAN.





Seni bina indah dan teliti ini diperkuuhkan lagi dengan sentuhan kontraktor profesional dari Kris Seroja Sdn. Bhd. "Secara kebetulan pula, saya memang mengenali pemilik syarikat ini, Chris Ho. Malah dia juga banyak membantu dalam merealisasikan kediaman impian saya ini. Sekiranya saya tidak mengenalinya sekali pun, saya akan tetap kagum dengan hasil kerjanya. Bagi projek ini, Chris banyak menggunakan bahan terpakai. Ia bukan sahaja mempunyai nilai estetika yang tinggi, malah menjimatkan. Saya mendapat tiga kali ganda penjimatan daripada menggunakan bahan binaan baru!" terang Tarmizi dalam nada gembira. Kayu cengal yang digunakan untuk binaan kediaman ini diambil daripada sebuah jambatan lama. Segala kerja-kerja pencarian dan pembelian diuruskan oleh kontraktor yang dilantik.

Kediaman ini mengambil masa hampir dua tahun untuk disiapkan. Dan, istimewanya ia dibina secara tradisional iaitu dengan hanya berbekalkan tulang empat kerat para kontraktor. Tidak hairanlah apabila pemilik memberitahu penulis bahawa kediamannya ini turut menjadi antara projek contoh kepada pihak Kris Seroja Sdn. Bhd. "Ada masanya, Chris akan membawa bakal pelanggannya ke sini untuk melihat sendiri kediaman ini."









PRINSIP RUMAH TRADISIONAL MELAYU

Walaupun mengambil inspirasi seni bina tropika kontemporari, namun pembentukan pelan lantai kediaman ini adalah berlandaskan ciri-ciri sebuah rumah tradisional Melayu. Ia dibahagikan kepada beberapa bahagian utama iaitu anjung, rumah dapur dan rumah ibu. Bahagian anjung, yang juga menjadi ruang tamu pertama kediaman ini, dibiarkan bersahaja tanpa binaan pintu. Binaan jendela rumah tradisional melengkapkan lagi seri pada ruang ini.

Ruang ini juga menjadi penghubung kepada bilik-bilik yang dibina di bangunan berasingan. Dari bahagian anjung, penulis dibawa ke rumah ibu melalui ruang dapur terbuka dan laman terbuka yang dilengkapi kolam ikan Koi kesayangan pemilik. Rumah ibu pula memuatkan ruang makan, ruang tamu utama, bilik utama dan balkoni yang cukup luas untuk kegunaan waktu-waktu bersantai. Dari balkoni ini, penghuni dapat memerhatikan panorama indah yang menghijau kawasan persekitaran.

Lebih menarik adalah kehadiran kawasan dusun yang kini berubah menjadi sebuah laman Melayu yang cukup mengasyikkan. Lengkap dengan dua buah kolam berisi ribuan ikan jelawat, kelah dan balau. Sesuai untuk aktiviti memancing mereka. Dan, bagi menghilangkan kebosanan, Tarmuzi turut membela beberapa ekor rusa yang dilepaskan meliar di kawasan hutan berdekatan. Menariknya, menjelang petang rusa-rusa berkenaan akan keluar menghampiri kawasan kediaman untuk mencari makanan. Namun, malangnya penulis tidak sempat untuk melihat rusa-rusa ini dengan lebih dekat.

17

